

**Kajian Terhadap Keberkesanan Teknologi Multimedia Dalam Pendidikan -
Penggunaan Video dalam P&P : Video Pemasangan Sistem Komputer**

(ESS 207)

Farah Zurin Binti Salleh, Kolej Komuniti Jempol, yeen777@gmail.com

Amir Arief bin Zainal Abidin, Kolej Komuniti Jempol

Normazlina binti Othman, Kolej Komuniti Jempol

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti keberkesanan penggunaan video dalam proses pembelajaran dan pengajaran (P&P). Pelbagai inovasi telah dibangunkan untuk meningkatkan serta memperkembangkan lagi teknologi yang sedia ada. Salah satu inovasi teknologi yang sangat interaktif ialah penggunaan bahan multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Oleh itu, projek inovasi iaitu penggunaan video bertujuan untuk merekabentuk dan membangunkan satu teknik pembelajaran yang efektif dan menyeluruh dari segi teori, kemahiran teknikal dan teknologi semasa. Penggunaan video ini menfokuskan teknik pembelajaran secara audio visual dalam matapelajaran Asas Pemasangan Sistem Komputer. Kaedah interaktif ini dibangunkan dengan menggunakan bahan-bahan multimedia dan perisian multimedia terkini. Sebanyak 20 set borang soal selidik telah diedarkan ke semua pelajar Program Sijil Sistem Komputer dan Sokongan dari Semester 1 hingga Semester 2.

Katakunci : penggunaan video, pelajar Sijil Sistem Komputer dan Sokongan, keberkesanan penggunaan video dalam P&P, video pemasangan Sistem Komputer (ESS 207)

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	i
ISI KANDUNGAN.....	ii
DAFTAR JADUAL	iv
DAFTAR RAJAH	v
BAB 1 : PENGENALAN	1
BAB 2 : SOROTAN LITERATUR	1
BAB 3 : KAEDAH PENYELIDIKAN	
3.1 Kajian Kuantitatif dan Rekabentuk Kajian	3
3.2 Persampelan Kajian	3
3.3 Instrumen Kajian	3
BAB 4 : ANALISIS DATA	
4.1 Analisis Soal Selidik	4
4.2 Analisis Bahagian A : Latar Belakang Pelajar	5
4.3 Analisis Bahagian B : Tahap Kepuasan Responden Mengenai Video Pemasangan Sistem Komputer (ESS 207)	5
4.4 Analisis Bahagian C : Keberkesanan Penggunaan Video Pemasangan Sistem Komputer (ESS 207)	8
4.4.1 Pernyataan 1	8
4.4.2 Pernyataan 2	9
4.4.3 Pernyataan 3	10
4.4.4 Pernyataan 4	11
4.4.5 Pernyataan 5	12
4.4.6 Pernyataan 6	13
4.4.7 Pernyataan 7	14

4.4.8 Pernyataan 8	15
4.4.9 Pernyataan 9	16
4.4.10 Pernyataan 10	17
BAB 5 : KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN	18
BAB 6 : CADANGAN DAN PENAMBAHBAIKAN	19
RUJUKAN	20
LAMPIRAN A : BORANG SOAL SELIDIK	21
LAMPIRAN B : SCREENSHOT VIDEO DARI LAMAN WEB YOUTUBE	25

DAFTAR JADUAL

SENARAI JADUAL	MUKA SURAT
Jadual 1 : Analisis terhadap latar belakang pelajar mengikut jantina	5
Jadual 2 : Peratusan tahap kepuasan responden	6
Jadual 3 : Kebaikan utama dari tontonan video	7
Jadual 4 : Faktor utama responden tidak berpuas hati	7

DAFTAR RAJAH

SENARAI RAJAH

MUKA SURAT

Rajah 1 :	Antaramuka perisian IBM SPSS Statistics versi 19	4
Rajah 2 :	Carta Palang Peratusan Tahap Kepuasan Responden	6
Rajah 3 :	Carta Pai Peratusan Responden yang Memilih Pernyataan 1	8
Rajah 4 :	Carta Pai Peratusan Responden yang Memilih Pernyataan 2	9
Rajah 5 :	Carta Pai Peratusan Responden yang Memilih Pernyataan 3	10
Rajah 6 :	Carta Pai Peratusan Responden yang Memilih Pernyataan 4	11
Rajah 7 :	Carta Pai Peratusan Responden yang Memilih Pernyataan 5	12
Rajah 8 :	Carta Pai Peratusan Responden yang Memilih Pernyataan 6	13
Rajah 9 :	Carta Pai Peratusan Responden yang Memilih Pernyataan 7	14
Rajah 10 :	Carta Pai Peratusan Responden yang Memilih Pernyataan 8	15
Rajah 11 :	Carta Pai Peratusan Responden yang Memilih Pernyataan 9	16
Rajah 12 :	Carta Pai Peratusan Responden yang Memilih Pernyataan 10	17

BAB 1 : PENGENALAN

Sejak dari zaman dahulu, manusia mempunyai perasaan ingin tahu dan ini mewujudkan kelas-kelas pembelajaran. Kaedah guru berdiri di hadapan dan memberi tunjuk ajar adalah perkara yang sinonim dalam pembelajaran. Suasana guru dan pelajar disebut sebagai satu sesi pembelajaran dan pengajaran (P&P) dimana ia boleh dilakukan dengan pelbagai cara dan kaedah. Sesi P&P yang sering kita dengar adalah penggunaan papan putih, buku-buku nota dan slaid nota. Namun begitu, seiring dengan kemajuan teknologi pada zaman sekarang, penggunaan bahan-bahan tersebut sudah tidak relevan lagi. Oleh itu, penggunaan kaedah P&P perlu ditukar sejajar dengan kemajuan teknologi serta pemikiran manusia sekarang.

Kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti keberkesanan penggunaan video dalam menyampaikan isi P&P menerusi paparan di dalam aplikasi YouTube. Video Pemasangan Sistem Komputer (ESS 207) telah dihasilkan dan telah digunakan sepanjang proses pembelajaran di dalam bilik kuliah. Keberkesanan penggunaan video dapat dilihat dari hasil maklum balas oleh responden iaitu pelajar Sijil Komputer dan Sokongan.

BAB 2 : SOROTAN LITERATUR

Dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, perkataan video membawa maksud alat untuk merakamkan dan menayangkan filem menggunakan pita video. Manakala video atas talian bermaksud video yang dimainkan di Internet. Menurut Romiszowski (1998), video adalah satu media pengajaran yang cukup berkesan untuk digunakan dalam pembelajaran kerana menggabungkan semua unsur multimedia seperti audio, visual, gerak, warna dan kesan tiga dimensi. Manakala menurut Hasan (2000), mengakui kelebihan video di mana penggunaan unsur-unsur multimedia dapat secara langsung menarik minat pelajar.

Kajian yang dijalankan oleh Tan Choon Keong dan Carol Abu (2013) dari Universiti Malaysia Sabah mendapati bahawa penggunaan video terutama video YouTube sangat berkesan dan dapat membantu meningkatkan kefahaman responden. Hasil dapatan daripada kajian tersebut mendapati tahap kefahaman dan daya ingatan pelajar dapat ditingkatkan kerana kaedah pengajaran ini mampu menyampaikan isi pengajaran secara telus dengan guru sebagai pemudah cara dan pembimbing.

Mohd Fazli Khaisunizam dan Mohamad Hisyam dari Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM pula berpendapat dalam kajian mereka yang bertajuk *Penggunaan Aplikasi Video-On-Demand Dalam Pengajaran dan Pembelajaran : Satu Tinjauan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*, penggunaan video memberikan keputusan yang positif di mana kebanyakan pelajar lebih meminati untuk melihat sesi pembelajaran dalam bentuk video dan audio. Konsep *video-on-demand* dipraktikkan untuk membolehkan pelajar memperoleh isi pembelajaran yang lepas walaupun tidak hadir ke kuliah.

Menurut Nugent (2005), video merupakan media yang sesuai untuk pelbagai kumpulan pembelajaran seperti kelas, kelompok kecil malah sendirian. Hal ini dapat dilihat dalam situasi pembelajaran sekarang yang menempatkan bilangan pelajar yang ramai, penggunaan video dapat membantu memberikan pemahaman yang lebih.

BAB 3 : KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1 Kajian Kuantitatif dan Rekabentuk Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif kerana bergantung kepada data-data dalam bentuk nombor dan peratusan. Secara umumnya, kaedah kuantitatif dipilih kerana hasil dapatan kajian ini berdasarkan analisis statistik.

Kajian ini adalah berbentuk tinjauan (*survey*). Kajian tinjauan juga bertujuan untuk mendapatkan keputusan atau persepsi menyeluruh populasi (sampel) yang diperolehi di akhir kajian.

3.2 Persampelan Kajian

Persampelan yang digunakan untuk melaksanakan kajian ini ialah responden dari pelajar-pelajar Sijil Sistem Komputer dan Sokongan Kolej Komuniti Jempol. Bilangan responden ialah seramai 20 orang pelajar yang dipilih secara rawak iaitu 10 orang pelajar Semester 1 dan 10 orang pelajar Semester 2.

3.3 Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah satu set borang soal selidik yang dibangunkan sendiri oleh kumpulan penyelidik. Borang soal selidik ini mempunyai 3 Bahagian termasuk 19 item yang melibatkan soalan demografi responden, soalan berkaitan tahap kepuasan responden terhadap video pemasangan sistem komputer dan soalan keberkesanan penggunaan video pemasangan sistem komputer. Borang ini diedarkan mengikut kelas dan responden diberi masa 15 minit untuk menjawab semua soalan.

Borang soal selidik ini adalah berdasarkan “Closed-Ended Questions” iaitu responden perlu memilih satu jawapan dari beberapa pilihan jawapan yang ada. Di samping itu, borang soal selidik ini juga mempunyai Skala Likert 3 Point dimana responden perlu memilih jawapan daripada “Setuju”, “Tidak Setuju” dan “Tidak Tahu”.

Borang soal selidik yang digunakan untuk kajian ini boleh dilihat dalam *Lampiran A*.

BAB 4 : ANALISIS DATA

Analisis data dilakukan untuk memperoleh keputusan dan hasil dapatan kajian ke dalam bentuk yang ringkas. Pengolahan data dapat dipersembahkan dalam bentuk carta atau jadual yang lebih mudah difahami. Proses analisis data bagi kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan perisian IBM SPSS Statistics versi 19. Rajah dibawah menunjukkan antaramuka perisian SPSS yang digunakan.

	semester	janina	umur	bangsa	agama	tonton	kepuasan	kebaikan	tidak_puasaha ti	c1	c2	c3	c4	c5	c6	c7	c8	c9	c10	var
1	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	2.00	.00	1.00	3.00	3.00	3.00	3.00	3.00	1.00	3.00	3.00	2.00	2.00	
2	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	3.00	1.00	1.00	1.00	
3	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	2.00	1.00	1.00	1.00	
4	1.00	2.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	2.00	.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	2.00	1.00	1.00	1.00	
5	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	2.00	3.00	1.00	1.00	1.00	
6	1.00	2.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	2.00	1.00	1.00	1.00	
7	1.00	2.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	2.00	1.00	1.00	1.00	
8	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	2.00	.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	3.00	1.00	1.00	1.00	
9	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	2.00	.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	2.00	1.00	1.00	1.00	
10	1.00	1.00	2.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	2.00	1.00	1.00	1.00	
11	2.00	1.00	2.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	2.00	1.00	1.00	3.00	
12	2.00	1.00	2.00	3.00	4.00	1.00	1.00	1.00	.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	2.00	1.00	1.00	1.00	
13	2.00	1.00	3.00	1.00	1.00	1.00	2.00	.00	1.00	3.00	3.00	3.00	3.00	3.00	2.00	2.00	1.00	2.00	2.00	
14	2.00	2.00	2.00	1.00	1.00	1.00	2.00	.00	1.00	3.00	3.00	3.00	2.00	2.00	2.00	2.00	1.00	1.00	2.00	
15	2.00	2.00	2.00	1.00	1.00	1.00	1.00	2.00	.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	3.00	1.00	1.00	1.00	
16	2.00	1.00	3.00	1.00	1.00	1.00	1.00	2.00	.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	3.00	1.00	1.00	1.00	
17	2.00	1.00	2.00	2.00	2.00	1.00	1.00	1.00	.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	2.00	1.00	1.00	1.00	
18	2.00	2.00	2.00	1.00	1.00	1.00	1.00	2.00	.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	2.00	1.00	1.00	1.00	
19	2.00	1.00	2.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	3.00	2.00	3.00	1.00	1.00	
20	2.00	1.00	2.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	2.00	1.00	1.00	1.00	
21																				
22																				

Rajah 1 : Antaramuka perisian IBM SPSS Statistics versi 19

4.1 Analisis Borang Soal Selidik

Data-data yang diperolehi dari pengisian maklumat oleh responden di dalam borang soal selidik telah dianalisis secara statistik diskriptif. Borang soal selidik yang telah diedarkan mempunyai 3 bahagian. Bahagian A mengandungi 5 soalan demografi / latar belakang pelajar. Bahagian B ialah berkaitan dengan tahap kepuasan mengenai Video Pemasangan Sistem Komputer yang mempunyai 4 soalan dan Bahagian C ialah mengenai keberkesanan penggunaan Video Pemasangan Sistem Komputer yang mempunyai 10 soalan dipilih dalam bentuk Skala Likert .

4.2 Analisis Bahagian A : Latar Belakang Pelajar

Responden kajian ini terdiri daripada 10 orang pelajar Semester 1 dan 10 orang pelajar Semester 2 program Sijil Sistem Komputer dan Sokongan. Analisis latar belakang pelajar dilakukan dengan melihat perbezaan peratusan mengikut jantina pelajar bagi setiap semester.

Semester	Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
1	7	3	10
2	7	3	10
Jumlah	14	6	20

Jadual 1 : Analisis terhadap latar belakang pelajar mengikut jantina

Jadual 1 menunjukkan pecahan jantina responden bagi setiap semester. Hasil analisis dari Jadual 1, jelas menunjukkan bahawa bilangan pecahan jantina responden antara semester adalah sama banyak walaupun borang soal selidik diberikan secara rawak. Selain daripada itu, Jadual 1 juga membuktikan bahawa responden lelaki ialah penyumbang utama sebagai responden bagi kajian ini.

4.3 Analisis Bahagian B : Tahap Kepuasan Responden Mengenai Video Pemasangan Sistem Komputer (ESS 207)


Responden yang dipilih secara rawak akan diminta untuk menonton dahulu video bagi melihat tahap kepuasan mereka. Bahagian B dalam borang soal selidik yang telah diedarkan adalah mengenai tahap kepuasan responden setelah menonton Video Pemasangan Sistem Komputer (ESS 207) tersebut. Bahagian B ini mengandungi 4 soalan yang saling berkait antara satu dengan yang lain. Hasil dari borang soal selidik yang telah dijawab, kesemua responden telah menonton video tersebut (kekerapan 100%).

Bagi mengukur tahap kepuasan responden terhadap video tersebut, analisis data telah diproses dan dipersembahkan seperti dalam Jadual 2 dan Rajah 2 di bawah.

TAHAP KEPUASAN	KEKERAPAN (RESPONDEN)	PERATUSAN (100%)
YA	17	85
TIDAK	3	15
JUMLAH	20	100

Jadual 2 : Peratusan tahap kepuasan responden

Rajah di bawah menunjukkan peratusan tahap kepuasan responden terhadap video yang telah mereka tonton.



Rajah 2 : Carta Palang peratusan tahap kepuasan responden

Hasil dapatan dari Jadual 2 dan Rajah 2 di atas, jelas menunjukkan sebanyak 85% dari responden amat berpuas hati dengan paparan Video Pemasangan Sistem Komputer. Manakala hanya 15% sahaja responden tidak berpuas hati dengan video tersebut.

Bahagian B juga mempunyai soalan yang berkait dengan soalan 2 iaitu “Adakah anda berpuas hati dengan kandungan video tersebut?”. Jika responden menjawab “Ya”, responden perlu menjawab soalan 3 iaitu “Apakah kebaikan utama yang anda perolehi hasil dari menonton video P&P tersebut?”. Soalan 3 tersebut

memberi pilihan jawapan kepada responden. Manakala jika responden menjawab “Tidak” pada soalan 2, responden perlu melangkau soalan 3 dan terus menjawab soalan 4 iaitu “*Mengapakah anda tidak berpuashati selepas menonton video P&P tersebut?*”. Soalan 4 juga memberi pilihan jawapan kepada responden.

Jadual 3 di bawah menunjukkan kebaikan utama apabila responden menjawab “Ya” iaitu berpuas hati dengan kandungan video.

TAHAP KEPUASAN	Pilihan Jawapan			JUMLAH
	Mudah faham	Dapat Menarik Minat	Tidak Bosan	
YA	11	6	0	17

Jadual 3 : Kebaikan utama dari tontonan video

Merujuk kepada Jadual 3 di atas, sebanyak 11 orang responden dari kedua-dua semester mendapati mereka mudah memahami topik pemasangan sistem komputer setelah menonton video tersebut. Manakala sebanyak 6 orang responden mendapati video tersebut mampu menarik minat mereka berbanding hanya pembelajaran di dalam bilik kuliah. Daripada hasil dapatan ini, jelas menunjukkan bahawa responden bersetuju dengan adanya video P&P seperti ini, ia dapat membantu mereka untuk lebih memahami topik pemasangan sistem komputer.

Jadual 4 di bawah pula menunjukkan faktor utama mengapa responden merasa tidak berpuas hati dengan kandungan video.

TAHAP KEPUASAN	Pilihan Jawapan			JUMLAH
	Tidak faham kandungan	Bosan	Buang Masa	
TIDAK	3	0	0	3


Jadual 4 : Faktor utama responden tidak berpuas hati

Merujuk kepada Jadual 4 di atas, 3 orang responden yang berasa tidak berpuas hati dengan video kerana tidak faham dengan isi kandungan yang dimainkan.

4.4 Analisis Bahagian C : Keberkesanan Penggunaan Video Pemasangan Sistem Komputer (ESS 207)

Bahagian C dalam borang soal selidik yang telah diedarkan lebih menjurus kepada keberkesanan penggunaan Video Pemasangan Sistem Komputer (ESS 207). Terdapat 10 pernyataan yang perlu responden jawab dalam bentuk Skala Likert-3. Pernyataan-pernyataan tersebut adalah untuk mengetahui kandungan video mampu memberi kesan yang bagaimana kepada responden. Analisis Bahagian C ini dilaksanakan dengan melihat perbezaan peratusan antara responden yang berpuas hati dan responden yang menjawab tidak berpuas hati di Bahagian B. Pecahan peratusan mengambilkira kesemua bilangan responden (rujuk pada Jadual 2).


4.4.1 Pernyataan 1 : Penggunaan Video Pemasangan Sistem Komputer dapat meningkatkan prestasi dalam pembelajaran saya.



Rajah 3 : Carta Pai Peratusan Responden yang memilih Pernyataan 1

Rajah 3 menunjukkan pecahan peratusan responden yang menjawab Pernyataan 1. Kesemua responden yang berpuas hati dengan video iaitu 85% bersetuju bahawa penggunaan video tersebut dapat meningkatkan prestasi dalam pembelajaran mereka. Manakala, kesemua responden yang tidak berpuas hati dengan kandungan video iaitu 15% berpendapat tidak tahu atau tidak pasti bahawa penggunaan video tersebut dapat meningkatkan prestasi pembelajaran mereka.


4.4.2 Pernyataan 2 : Penggunaan Video Pemasangan Sistem Komputer dapat meningkatkan produktiviti dalam pembelajaran saya.



Rajah 4 : Carta Pai Peratusan Responden yang memilih Pernyataan 2

Rajah 4 juga menunjukkan bilangan yang sama iaitu 85% responden berpendapat video tersebut boleh meningkatkan produktiviti dalam pembelajaran manakala, 15% responden tidak tahu atau tidak pasti video tersebut boleh meningkatkan produktiviti pembelajaran mereka.


4.4.3 Pernyataan 3 : Penggunaan Video Pemasangan Sistem Komputer dapat meningkatkan tahap kreativiti dan inovasi dalam pembelajaran saya.



Rajah 5 : Carta Pai Peratusan Responden yang memilih Pernyataan 3

Rajah 5 juga menunjukkan bilangan yang sama iaitu 85% responden berpendapat video tersebut boleh meningkatkan tahap kreativiti dan inovasi manakala, 15% responden tidak tahu atau tidak pasti video tersebut boleh meningkatkan kreativiti dan inovasi dalam pembelajaran mereka.


4.4.4 Pernyataan 4 : Penggunaan Video Pemasangan Sistem Komputer dapat meningkatkan keberkesanan dalam pembelajaran saya.



Rajah 6 : Carta Pai Peratusan Responden yang memilih Pernyataan 4

Rajah 6 menunjukkan bahawa sebanyak 85% responden yang berpuas hati berpendapat video ini boleh meningkatkan keberkesanan pembelajaran mereka. Manakala sebanyak 10% responden tidak tahu atau tidak pasti video tersebut dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran. Sebanyak 5% pula tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.


4.4.5 Pernyataan 5 : Saya berpendapat bahwa penggunaan Video Pemasangan Sistem Komputer amat berguna dalam pembelajaran saya.



Rajah 7 : Carta Pai Peratusan Responden yang memilih Pernyataan 5

Rajah 7 di atas menunjukkan sebanyak 85% iaitu kesemua responden yang berpuas hati bersetuju penggunaan video tersebut amat berguna dalam pembelajaran mereka. Sebanyak 10% responden tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut dan 5% responden tidak tahu sama ada penggunaan video tersebut amat berguna untuk pembelajaran mereka.


4.4.6 Pernyataan 6 : Penggunaan Video Pemasangan Sistem Komputer dapat menarik minat saya dalam topik yang diajar.



Rajah 8 : Carta Pai Peratusan Responden yang memilih Pernyataan 6

Rajah 8 di atas menunjukkan sebanyak 80% iaitu responden yang berpuas hati bersetuju penggunaan video tersebut dapat menarik minat mereka terhadap topik yang diajar. Manakala, sebanyak 15% responden tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut dan 5% responden tidak tahu atau tidak pasti sama ada penggunaan video tersebut dapat menarik minat untuk topik yang diajar.


4.4.7 Pernyataan 7 : Video Pemasangan Sistem Komputer tidak memberi sebarang kesan dalam pembelajaran saya.



Rajah 9 : Carta Pai Peratusan Responden yang memilih Pernyataan 7

Rajah 9 di atas menunjukkan bahawa kebanyakan responden dengan nilai peratusan sebanyak 65% tidak bersetuju dengan pernyataan yang menyatakan video P&P tersebut tidak langsung memberi kesan dalam pembelajaran mereka. Namun begitu, sebanyak 30% responden tidak tahu sama ada video tersebut memberi kesan atau tiada kesan terhadap pembelajaran. Manakala, hanya 5% responden sahaja yang bersetuju dengan pernyataan 7 ini.


4.4.8 Pernyataan 8 : Saya dapat menumpukan lebih perhatian apabila menggunakan Video Pemasangan Sistem Komputer ini.



Rajah 10 : Carta Pai Peratusan Responden yang memilih Pernyataan 8

Rajah 10 menunjukkan pecahan peratusan untuk Pernyataan 8 dalam Bahagian C. sebanyak 85% responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Manakala, sebanyak 5% responden tidak bersetuju dan sebanyak 10% responden tidak tahu sama ada mereka dapat memberi lebih perhatian apabila menggunakan Video Pemasangan Sistem Komputer.


4.4.9 Pernyataan 9 : Penggunaan Video Pemasangan Sistem Komputer dapat membantu saya jika ketinggalan topik pemasangan sistem komputer.



Rajah 11 : Carta Pai Peratusan Responden yang memilih Pernyataan 9

Rajah 11 di atas menunjukkan hampir kesemua responden iaitu sebanyak 90% responden bersetuju video tersebut amat membantu mereka jika ketinggalan topik pemasangan sistem komputer. Manakala sebanyak 10% responden tidak bersetuju dengan pernyataan 9 tersebut.

4.4.10 Pernyataan 10 : Saya berpendapat bahawa video ini dapat meningkatkan pemahaman dalam topik pemasangan sistem komputer secara amali.



Rajah 12 : Carta Pai Peratusan Responden yang memilih Pernyataan 10

Rajah 12 di atas menunjukkan peratusan responden yang memilih Pernyataan 10. Sebanyak 80% responden bersetuju kandungan video tersebut boleh meningkatkan pemahaman mereka dalam topik pemasangan sistem komputer secara amali. Manakala sebanyak 15% responden tidak bersetuju video tersebut dapat membantu mereka secara amali. 5% responden pula tidak tahu atau tidak pasti sama ada video tersebut dapat membantu mereka dalam topik pemasangan sistem komputer secara amali.

BAB 5 : KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN

Daripada kajian yang dijalankan ini, semua responden iaitu seramai 20 orang responden telah menonton Video Pemasangan Sistem Komputer bagi subjek ESS 207 dan responden yang dipilih secara rawak telah menjawab borang soal selidik yang diedarkan oleh para penyelidik. Analisis data telah dibuat dengan menggunakan perisian SPSS versi 19 secara analisis statistik. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan sebanyak 85% responden berpendapat video P&P ini dapat membantu mereka dalam pemahaman topik pemasangan sistem komputer kerana mudah faham di samping sesi pengkuliah oleh pensyarah. Manakala hanya 15% responden sahaja yang kurang berpuas hati dengan video tersebut kerana tidak memahami isi kandungan video yang dimainkan.

Analisis Bahagian C merumuskan dengan lebih terperinci mengenai pernyataan-pernyataan yang menyokong kelebihan dari menonton video P&P ini. Terdapat 10 pernyataan dimasukkan dalam borang soal selidik yang telah diedarkan. Kebanyakan responden dengan kebanyakan peratusan hampir 85% bersetuju bahawa Video Pemasangan Sistem Komputer ini memberi banyak kebaikan seperti dapat meningkatkan prestasi, produktiviti, tahap kreativiti dan inovasi, keberkesanan, meningkatkan pemahaman dalam topik pemasangan dan sebagainya. Responden juga berpendapat video ini amat membantu mereka dalam pembelajaran di samping dapat menarik minat khususnya dalam topik pemasangan sistem komputer.

Selain daripada itu, sebanyak 65% responden tidak bersetuju bahawa video P&P ini tidak memberi sebarang kesan atau impak terhadap pembelajaran mereka khususnya dalam topik pemasangan sistem komputer. Ini menunjukkan bahawa video sebegini mampu mengubah persepsi serta pandangan pelajar untuk menambahkan ilmu dan kemahiran. Dengan erti kata lain, video P&P boleh digunakan oleh pelajar untuk mengulangkaji pelajaran atau meningkatkan pemahaman selain dari pembelajaran di dalam bilik kuliah.

BAB 6 : CADANGAN DAN PENAMBAHBAIKAN

Secara kesimpulannya, kajian ini menunjukkan inovasi video P&P dapat membantu pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar dalam meningkatkan mutu pembelajaran. Dengan adanya video P&P seperti ini, pensyarah-pensyarah tidak perlu menumpukan pengajaran yang berasaskan marker pen dan papan putih. Pensyarah-pensyarah dapat menjadikan video P&P ini sebagai satu alternatif lain yang lebih kreatif dalam meningkatkan tumpuan dan konsentrasi pelajar-pelajar dalam pembelajaran.

Bagi tujuan penambahbaikan pada masa akan datang, video P&P ini boleh diperkembangkan lagi kepada kursus-kursus Sijil Sistem Komputer & Sokongan yang lain seperti Asas Sistem Digital, Rangkaian Komputer dan sebagainya. Selain itu, sebagai penambahbaikan untuk menghasilkan video yang lebih berkualiti, peralatan seperti kamera digital definisi tinggi (HD) harus digunakan. Selain itu penggunaan suara latar yang lebih baik harus dititik beratkan serta penambahan sarikata juga seharusnya dilakukan memandangkan video P&P ini diletakkan di laman sesawang YouTube yang membenarkan pengguna Internet dari seluruh dunia menontonnya.

BAB 7 : IMPAK KAJIAN

Kajian penggunaan video P&P Asas Pemasangan Sistem Komputer ini telah memberikan impak atau kesan positif kepada pelajar-pelajar dari beberapa aspek seperti aspek peningkatan tahap kemahiran, penguasaan atau prestasi pelajar-pelajar, memudahkan urusan penyampaian ilmu oleh pensyarah-pensyarah dan menjimatkan kos serta masa.

Video yang dihasilkan telah menggabungkan kemahiran mencipta skrip, teknik penggambaran video dan suntingan video ini telah dapat meningkatkan penguasaan dan kemahiran pelajar-pelajar dalam bidang pemasangan sistem komputer secara teori dan amali. Dengan melihat video berbentuk audio visual, pelajar-pelajar akan lebih memahami asas dan konsep pemasangan komputer kerana ia melibatkan penggunaan pelbagai deria seperti melihat, mendengar, membaca dan mempraktik. Dengan menggunakan video ini, pensyarah-pensyarah tidak lagi perlu menumpukan kepada

kaedah pengajaran menggunakan pen marker dan papan putih sepenuhnya kerana dalam video ini memaparkan teknik pemasangan komputer asas.

Kajian ini telah membuktikan penggunaan video P&P seperti ini berupaya untuk memudahkan proses penyampaian maklumat dari pensyarah kepada pelajar kerana pendekatan yang digunakan adalah sangat mudah dan menarik serta mengikut silibus yang ditetapkan. Selain itu, ia membantu memudahkan pensyarah kerana pensyarah tidak perlu mengulangi setiap maklumat yang diterangkan berkali-kali kerana ketika melakukan amali atau praktikal, pelajar-pelajar boleh merujuk kepada video yang telah sedia ada.

RUJUKAN

- Mohd Fazli Khaisunizam, Mohamad Hisyam Mohd Hashim (2007). Penggunaan Aplikasi Video-On-Demand Dalam Pengajaran dan Pembelajaran : Satu Tinjauan Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. *1st International Malaysian Educational Technology Convention*. Fakulti Pendidikan Teknikal. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. 1221-1226.
- Tan Choon Keong, Carol Abu (2013). Pengaplikasian Video YouTube : Bahan Bantu Mengajar (BBM) Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sains Sosial. *Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi 2013 (UMS, 29-30 Ogos 2013)*. Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah. 250-265.
- Siti Farizzatul Mohamad Mohsin, Razali Hassan (2011). Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan 'Streaming Video' Bagi Meningkatkan Tahap Kefahaman Pelajar Abad ke-21. *Persidangan Kebangsaan Penyelidikan dan Inovasi dalam Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Zurina Yasak, Baharom Mohamad, Ahmad Esa, Shahrizal Shabudin (2009). Kaedah Pengajaran Berasaskan Laman Web Terhadap Pelajar Diploma Kejuruteraan Elektrik Mekatronik di Politeknik. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sains dan Teknologi 2009*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.



KOLEJ KOMUNITI JEMPOL
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA
TAMAN INDUSTRI MAHSAN



Borang Soal Selidik

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

- Soal selidik ini dibentuk dan dijalankan untuk mendapatkan maklumbalas dari pelajar Kolej Komuniti Jempol bagi memenuhi kriteria **Kajian Terhadap Keberkesanan Penggunaan Video Dalam Proses P&P : Video Pemasangan Sistem Komputer (ESS 207)** di Kalangan Pelajar Sijil Sistem Komputer dan Sokongan yang sedang dilaksanakan.
- Anda diminta untuk menjawab semua soalan dengan ikhlas dan jujur bagi membantu kumpulan penyelidik melaksanakan kajian ini.
- Kerjasama anda dalam melengkapkan soal selidik amat dihargai.

Bahagian A: Latar Belakang Pelajar

Bagi setiap item, sila tandakan (x) atau isi tempat kosong pada ruangan yang berkaitan.

1. Semester : Semester 1
 Semester 2

2. Jantina : Lelaki
 Perempuan
3. Umur : 18 tahun
 19 tahun
 20 tahun
 Melebihi 20 tahun
4. Bangsa : Melayu
 Cina
 India
 Lain-lain (Nyatakan : _____)
5. Agama : Islam
 Buddha
 Kristian
 Lain-lain (Nyatakan : _____)

Bahagian B: Tahap Kepuasan Responden Mengenai Video Pemasangan Sistem Komputer (ESS 207)

1. Sudahkan anda menonton video pemasangan sistem komputer? : Ya Tidak
2. Adakah anda berpuashati dengan kandungan video tersebut? : Ya Tidak
(Jika Ya, teruskan menjawab soalan No. 3)
Jika Tidak, teruskan menjawab soalan No. 4)
3. Apakah kebaikan utama yang anda perolehi hasil dari menonton video P&P tersebut? : Mudah faham
 Dapat menarik minat
 Tidak bosan
4. Mengapakah anda tidak berpuashati selepas menonton video P&P tersebut? : Tidak faham kandungan
 Bosan
 Buang Masa


Bahagian C: Keberkesanan Penggunaan Video Pemasangan Sistem Komputer (ESS 207)

Arahan : Sila tandakan sejauh manakah persetujuan anda akan keberkesanan kaedah pencarian maklumat yang telah anda pilih. Dengan menggunakan skala 1 – 3, sila tandakan (√) pada satu jawapan sahaja. Sila pastikan anda menanda untuk setiap pernyataan.

1	Setuju
2	Tidak Setuju
3	Tidak Tahu

Bil	Pernyataan	1	2	3
1.	Penggunaan Video Pemasangan Sistem Komputer dapat meningkatkan prestasi dalam pembelajaran saya.			
2.	Penggunaan Video Pemasangan Sistem Komputer dapat meningkatkan produktiviti dalam pembelajaran saya.			
3.	Penggunaan Video Pemasangan Sistem Komputer dapat meningkatkan tahap kreativiti dan inovasi dalam pembelajaran saya.			
4.	Penggunaan Video Pemasangan Sistem Komputer dapat meningkatkan keberkesanan dalam pembelajaran saya.			
5.	Saya berpendapat bahawa penggunaan Video Pemasangan Sistem Komputer amat berguna dalam pembelajaran saya.			
6.	Penggunaan Video Pemasangan Sistem Komputer dapat menarik minat saya dalam topik yang diajar.			
7.	Video Pemasangan Sistem Komputer tidak memberi sebarang kesan dalam pembelajaran saya.			
8.	Saya dapat menumpukan lebih perhatian apabila menggunakan Video Pemasangan Sistem Komputer ini.			
9.	Penggunaan Video Pemasangan Sistem Komputer dapat membantu saya jika ketinggalan topik pemasangan sistem komputer.			
10.	Saya berpendapat bahawa video ini dapat meningkatkan pemahaman dalam topik pemasangan sistem komputer secara amali.			

Screenshot dari Laman Web YouTube





2:55 / 7:49 360p

Info Favourite Share Playlists Flag

Asas Pemasangan Sistem Komputer (ESS207)

From: celikTKM | 14 Oct 2011 | 2 views

Video P&P ini menerangkan tentang asas pemasangan sistem komputer.

Like

View comments, related videos and more

Uploads (1)



Asas Pemasangan Sistem Komputer
2 views - 17 minutes ago

see all

arrange

Favourites (0)

see all

arrange

Asas Pemasangan Sistem Komputer (ESS207)

celikTKM 1 video Subscribe



4:26 / 7:49 360p

This video is public.

Like Add to Share

9 views

Uploaded by celikTKM on 14 Oct 2011

Video P&P ini menerangkan tentang asas pemasangan sistem komputer.

1 likes, 0 dislikes

Show more

All Comments (0)

Reactions (0)



pemasangan komputer siri1
by SAIRU86
107 views



Kursus Pemasangan Komputer SMK Kundasang
by alzubir
838 views



Basic PC Assembly/Build Tutorial Part 1
by TechPerSpec
15,128 views



Tutorial Pemasangan kabel UTP
by doni0102
9,533 views



makmal sains
by kudozu
972 views



Open MAC Filtering Security
by dedudedut
6,607 views



Fun Science: Stars
by charleissocoollike
366,089 views